



BENCANA MUSIM MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2025/2026 : SEKILAS DATA



* Data sehingga 29 November 2025 jam 11.59 malam & data kematian adalah kumulatif sejak 13 November 2025

PPS: Pusat Pemindahan Sementara

PERLIS

Daerah	: 1
PPS Aktif	: 18
Keluarga	: 1,310
Mangsa	: 4,322

KEDAH

Daerah	: 2
PPS Aktif	: 11
Keluarga	: 391
Mangsa	: 1,356

KELANTAN

Daerah	: 3
PPS Aktif	: 9
Keluarga	: 729
Mangsa	: 1,892

TERENGGANU

Daerah	: 7
PPS Aktif	: 81
Keluarga	: 2,462
Mangsa	: 8,253

PAHANG

Daerah	: 6
PPS Aktif	: 37
Keluarga	: 465
Mangsa	: 1,327

PERAK

Daerah	: 6
PPS Aktif	: 43
Keluarga	: 1,971
Mangsa	: 6,456

SELANGOR


Daerah	: 5
PPS Aktif	: 32
Keluarga	: 1,008
Mangsa	: 3,555

N. SEMBILAN

Daerah	: 1
PPS Aktif	: 3
Keluarga	: 99
Mangsa	: 255


MELAKA

Daerah	: 1
PPS Aktif	: 3
Keluarga	: 16
Mangsa	: 61





PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

JENIS BENCANA	NEGERI	DAERAH	JUMLAH PPS	KELUARGA	MANGSA	TREND
Banjir 	Terengganu	Marang	14	771	2,762	Menurun
		Kuala Terengganu	9	558	1,522	Menurun
		Kuala Nerus	14	427	1,330	Tidak Berubah
		Kemaman	20	247	950	Menurun
		Setiu	14	199	661	Menurun
		Hulu Terengganu	4	135	528	Tidak Berubah
		Dungun	6	125	500	Menurun
		JUMLAH	81	2,462	8,253	Menurun
	Perak	Manjung	18	696	2,261	Meningkat
		Hilir Perak	11	587	1,964	Meningkat
		Perak Tengah	8	366	1,298	Meningkat
		Bagan Datuk	4	292	851	Tidak Berubah
		Larut, Matang dan Selama	1	23	66	Tidak Berubah
		Muallim	1	7	16	Tidak Berubah
		JUMLAH	43	1,971	6,456	Meningkat
	Perlis	Perlis	18	1,310	4,322	Menurun
		JUMLAH	18	1,310	4,322	Menurun
	Selangor	Kuala Selangor	13	622	2,251	Menurun
		Sepang	9	281	932	Menurun
		Sabak Bernam	3	52	171	Menurun
		Kuala Langat	6	44	123	Menurun
		Klang	1	9	78	Menurun
		JUMLAH	32	1,008	3,555	Menurun
	Kelantan	Pasir Mas	5	584	1,501	Menurun
		Tumpat	2	121	317	Menurun
		Gua Musang	1	10	29	Tidak Berubah
		JUMLAH	8	715	1,847	Menurun
	Kedah	Kota Setar	6	206	728	Menurun
		Kubang Pasu	5	185	628	Menurun
		JUMLAH	11	391	1,356	Menurun
	Pahang	Lipis	19	218	523	Meningkat
		Kuantan	6	108	379	Menurun
		Raub	6	70	233	Menurun
		Temerloh	2	50	112	Baharu
		Jerantut	3	15	63	Meningkat
		JUMLAH	36	461	1,310	Menurun
	Negeri Sembilan	Port Dickson	3	99	255	Meningkat
		JUMLAH	3	99	255	Meningkat
	Melaka	Alor Gajah	3	16	61	Menurun
		JUMLAH	3	16	61	Menurun
JUMLAH BANJIR			235	8,433	27,415	-

* Trend: Perbandingan dengan data 29 November 2025 jam 8.00 malam



PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

JENIS BENCANA	NEGERI	DAERAH	JUMLAH PPS	KELUARGA	MANGSA	TREND
Tanah Runtuh ▲	Kelantan	Gua Musang	1	14	45	Tidak Berubah
		JUMLAH	1	14	45	Tidak Berubah
	Pahang	Cameron Highlands	1	4	17	Tidak Berubah
		JUMLAH	1	4	17	Tidak Berubah
JUMLAH TANAH RUNTUH			2	18	62	-
JUMLAH KESELURUHAN			237	8,451	27,477	Menurun

* Trend: Perbandingan dengan data 29 November 2025 jam 8.00 malam



SITUASI TERKINI

- Sehingga **29 November 2025, jam 11.59 malam**, terdapat **32 daerah** di **sembilan negeri** yang dilanda bencana dengan **pengurangan** jumlah mangsa kepada **27,477 dalam tempoh 24 jam** (berbanding **35,601 mangsa** pada **28 November 2025, jam 11.59 malam**). Ia melibatkan **8,451 keluarga** yang ditempatkan di **237 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka **menurun** berbanding **311 PPS** pada **28 November 2025, jam 11.59 malam**.
- **Negeri Perlis (4,322 mangsa)** dan dua daerah paling teruk terjejas iaitu **Marang, Terengganu (2,762 mangsa)** dan Manjung, Perak (**2,261 mangsa**).
- Berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM), **dua kematian** telah direkodkan setakat ini yang melibatkan kematian akibat kejadian banjir iaitu **satu di Gua Musang, Kelantan pada 21 November 2025** dan **satu di Tanah Merah, Kelantan pada 26 November 2025**.



MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- Berdasarkan analisis model-model cuaca, **cuaca dijangka bertambah baik** dan **tiada potensi hujan berterusan di negeri Terengganu, Pahang, Kelantan, Perak, Selangor, WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya dan Negeri Sembilan**.
- **Amaran Hujan Berterusan (Bahaya, Buruk & Waspada)** yang dikeluarkan pada **4:30 petang, 28 November 2025** untuk kawasan berkenaan **telah ditamatkan**.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)

- Pada **29 November 2025, tiada Amaran Banjir** baru yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Hanya **kemas kini amaran banjir** yang telah dikeluarkan bagi **Negeri Pahang**.

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)



IMPAK

- **Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)** melaporkan bahawa kebanyakan daerah yang terjejas banjir di Terengganu, Perak, Perlis, Selangor, Kelantan, Kedah, Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka tidak merekodkan kawasan berisiko tanah runtuh di lokasi *hotspot* atau cerun kritikal. Beberapa kawasan berisiko dikenal pasti iaitu di Marang, Hulu Terengganu (Jalan Aring–Kenyir–Kuala Berang) dan Dungun di Terengganu; di Sepang (Pinggiran Putra) di Selangor; di Gua Musang (Jalan Lojing–Gua Musang) di Kelantan; serta di Lipis (Kuala Lipis) di Pahang.
- Bagi kejadian tanah runtuh, tiada insiden baharu dilaporkan di kebanyakan daerah terlibat kecuali dua (2) kejadian dilaporkan di seluruh negara pada 29 November 2025, iaitu di Puncak Arabela, Cameron Highlands, Pahang pada 28 November 2025 dan di Batu Arang, Gombak, Selangor pada 29 November 2025. Tinjauan lokasi telah dijalankan oleh Pasukan Tindakbalas Bencana Geologi JMG Pahang khususnya di Cameron Highlands, manakala cerun-cerun runtuh lain berada dalam tindakan dan pemantauan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta pemilik tanah yang terlibat.
- Jumlah kumulatif tanah runtuh yang berlaku di seluruh negara sejak bermula MTL adalah sebanyak **13 kejadian** iaitu
 1. Taman United, Jalan Sepadu 7, Seputeh, W.P. Kuala Lumpur
 2. Kampung Orang Asli Bukit Lagong, Selayang, Selangor
 3. Lorong Setia 3, Kampung Setia, Selayang, Selangor
 4. Jalan Banglo, Batu Arang, Selayang, Selangor
 5. Blok D, Flat Sri Lempah, Seputeh, W.P. Kuala Lumpur
 6. Taman Aster, Cameron Highlands, Pahang
 7. KOA Sg Tiang, Cameron Highlands, Pahang
 8. Taman Bukit Berlian, Seremban, Negeri Sembilan
 9. Cameron Towers, No 5, Jln 5/58B, Bukit Gasing, Petaling, Selangor
 10. Kg. Sinulihan, Kota Kinabalu, Sabah
 11. Kampung Bukit Kapar, Klang, Selangor
 12. Perumahan Puncak Arabella, Cameron Highlands, Pahang
 13. Lot 30 & 31, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Batu Arang, Gombak, Selangor
- Pelaporan JMG tidak merangkumi laluan jalan negeri, persekutuan dan lebuhraya.

Sumber : Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)



- **Jabatan Kerja Raya (JKR)** telah merekodkan **161 lokasi kejadian bencana** yang menjejaskan infrastruktur jalan raya sehingga 29 November 2025, jam 10.00 malam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 70 lokasi melibatkan Jalan Persekutuan manakala 91 lokasi Jalan Negeri. Kejadian ini berlaku di sepuluh (10) negeri dengan Negeri Perlis merekodkan insiden tertinggi (55 lokasi), diikuti oleh Terengganu (31 lokasi), Selangor (18 lokasi), Pahang (14 lokasi), Kelantan (12 lokasi), Perak (12 lokasi), Kedah (9 lokasi), Pulau Pinang (6 lokasi), Negeri Sembilan (3 lokasi), dan Johor (1 lokasi).
- Jenis kejadian bencana yang paling dominan adalah banjir (96 lokasi) dan banjir kilat (34 lokasi). Selain itu, melibatkan cerun runtuh (16 lokasi), jalan runtuh (9 lokasi), jalan mendap (5 lokasi) dan satu (1) lokasi jambatan rosak atau runtuh. JKR sedang menjalankan pemantauan dan tindakan pemulihan segera untuk memastikan keselamatan dan kebolehpasaran jalan raya..

Sumber : Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

- **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** melaporkan sebanyak **58 institusi pendidikan terjejas akibat banjir** di beberapa negeri. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Perak (22 sekolah rendah, 2 sekolah menengah), Terengganu (12 sekolah rendah, 6 sekolah menengah), Kelantan (5 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Pahang (1 sekolah rendah, 3 sekolah menengah), Kedah (2 sekolah rendah), Sabah (2 sekolah rendah), Sarawak (1 sekolah rendah) dan Selangor (1 sekolah rendah).
- Sebanyak 142 PPS premis sekolah telah dibuka bagi menempatkan mangsa banjir. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Terengganu (46 sekolah rendah, 2 sekolah menengah), Perak (25 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Pahang (15 sekolah rendah, 2 sekolah menengah), Selangor (12 sekolah rendah), Perlis (12 sekolah rendah), Kedah (11 sekolah rendah), Kelantan (7 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Negeri Sembilan (3 sekolah rendah, 1 sekolah rendah) dan Melaka (4 sekolah rendah).
- Secara keseluruhan, seramai 2,689 murid terlibat. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Terengganu (1,016 murid), Perlis (438 murid), Perak (345 murid), Kedah (264 murid), Selangor (283 murid), Pahang (108 murid), Kelantan (179 murid), Negeri Sembilan (44 murid) dan Melaka (12 murid).

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

- **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** melaporkan sebanyak **67 fasiliti kesihatan terjejas akibat banjir** di beberapa negeri, melibatkan Perlis (15), Terengganu (14), Kelantan (12), Perak (12), Pahang (9), Selangor (3) dan Kedah (2). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 31 merupakan Klinik Desa (KD), 17 Klinik Kesihatan (KK), 15 Klinik Pergigian (KP), dua (2) Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), satu (1) hospital dan satu (1) Unit Vektor Negeri. Sebanyak 20 fasiliti terjejas telah berpindah operasi ke fasiliti kesihatan berhampiran yang tidak terjejas bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kepada penduduk yang terlibat manakala 44 fasiliti masih beroperasi seperti biasa dan tiga (3) fasiliti tidak beroperasi.
- Sebanyak 422 Pasukan Perubatan Kecemasan (EMT) telah digerakkan, terdiri daripada 212 *Rapid Response Team* (RRT) Kesihatan, 183 RRT Perubatan serta 27 Pasukan *Mental Health and Psychosocial Support* (MHPSS) bagi menyediakan rawatan, pemantauan kesihatan dan pencegahan penyakit di PPS. Tiada wabak penyakit dilaporkan setakat ini.

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

- **Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)** melaporkan sebanyak **22 infrastruktur komunikasi terjejas akibat banjir** di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sembilan (9) masih tidak beroperasi, melibatkan lima (5) stesen pemancar di Perlis dan empat (4) stesen pemancar di Perak.
- Sejak bermulanya MTL sehingga kini, sebanyak **17 PPS telah dipasang dengan Inisiatif WiFi Percuma** oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi bagi memastikan kelangsungan komunikasi di kawasan terjejas iaitu;
 1. CelcomDigi : PPS SK Tapang, Kota Bharu, Kelantan
 2. YTL : PPS SK Pauh Sembilan, Bachok, Kelantan
 3. Maxis : PPS Kubang Batang, Tumpat, Kelantan
 4. CelcomDigi : PPS SK Chicha Menyabong, Kota Bharu, Kelantan
 5. CelcomDigi : PPS SK Seribong, Kota Bharu, Kelantan
 6. CelcomDigi : PPS SK Seri Chempaka, Kota Bharu, Kelantan
 7. CelcomDigi : PPS SK Islah, Kota Bharu, Kelantan
 8. TM : PPS SK Pa'Pura, Bachok, Kelantan
 9. TM : PPS SK Pengkalan Chengal, Bachok, Kelantan
 10. Umobile : PPS SK Kok Keli, Tumpat, Kelantan
 11. Umobile : PPS SK Pa'Pura, Bachok, Kelantan
 12. TM : PPS SK Batu Bertangkup, Kangar, Perlis
 13. TM : PPS Bukit Payong, Marang, Terengganu



14. TM : PPS SK Simpang Rawai, Marang, Terengganu
15. TM : PPS Bukit Sawa, Marang, Terengganu
16. TM : PPS SK Parit Mahang, Jeram, Selangor
17. TM : PPS SK Atas Tol, Kuala Terengganu, Terengganu

- SKMM bersama penyedia perkhidmatan telekomunikasi akan terus memantau tahap liputan melalui JPBD/JPBN bagi memastikan sebarang gangguan perkhidmatan atau kesesakan talian di PPS dapat ditangani dengan segera.

Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

- **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** melaporkan beberapa kawasan di Perlis, Perak, Selangor dan Terengganu mengalami pemutusan bekalan elektrik sebagai langkah keselamatan akibat banjir. Di Perlis, kawasan terjejas ialah Kg Tasoh, Padang Besar. Di Perak, kawasan terlibat di Teluk Intan meliputi Kilang Perabot, Ladang Golden Hope Batu 4, Kilang Sawit Sime Darby Batu 6, Kg Gloucester Batu 6, Felcra Sungkai Mati, Sekolah Menengah Batu 4 dan Sekolah Menengah Vokasional Dalam. Di Selangor, kawasan terjejas di Kuala Selangor ialah Jalan Rizab Masjid; di Rawang ialah Ikan Sungai Batang Kali; manakala di Sepang melibatkan Rumah Pam Sungai Labu, Jalan Dataran Abadi 3/1, Indah Puteri, Jalan Indah Puteri 27 dan Jalan Salak Kasturi. Di Terengganu, kawasan yang terjejas ialah Taman Al-Amin di Marang.
- **Tiada PPS dilaporkan terjejas bekalan elektrik.** TNB mengambil tindakan dengan memasang genset di kawasan yang selamat bagi memastikan kesinambungan bekalan tenaga kepada premis penting dan operasi respons banjir.

Sumber : Tenaga Nasional Berhad (TNB)



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- Sejak permulaan Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026, pengurusan **Bantuan Wang Ihsan (BWI)** telah diperkasakan melalui pelaksanaan sistem MyIBJKM, yang kini menjadi platform tunggal bagi pendaftaran mangsa, permohonan bantuan dan pengesahan sendiri oleh pemohon. Langkah pendigitalan ini merupakan satu inovasi serta penambahbaikan ketara berbanding kaedah manual sebelum ini, yang menyebabkan pemohon terpaksa menunggu berbulan-bulan untuk menerima BWI disebabkan proses pengesahan di pelbagai peringkat.

- Dengan pelaksanaan MyIBJKM, proses permohonan kini dipendekkan sekali gus meningkatkan ketepatan, kecekapan dan meminimumkan kesilapan atau pertindihan data. Melalui sistem ini, NADMA dapat melaksanakan proses penyaringan dengan lebih teratur dan menyeluruh, termasuk memastikan tiada permohonan berganda, mengesahkan alamat kediaman pemohon, serta menilai kelayakan berdasarkan maklumat yang dikemukakan. Pendekatan ini turut mempercepatkan proses verifikasi dan mengoptimumkan masa penyampaian bantuan.
- Bagi pemohon dari PPS yang ditutup sebelum 24 November 2025, pembayaran BWI telah berjaya disalurkan pada 28 November 2025 melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) ke akaun penerima seperti yang didaftarkan dalam aplikasi MyIBJKM. Bagi pemohon yang tidak mempunyai akaun bank, notifikasi Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) telah dihantar untuk memaklumkan kaedah tuntutan tunai di kaunter BSN yang berdekatan.
- Secara keseluruhannya, pendigitalan proses BWI ini membolehkan penyampaian bantuan dibuat dengan lebih pantas, telus dan tersusun, sejajar dengan usaha meningkatkan kesiapsiagaan serta keberkesanan pengurusan bencana oleh agensi kerajaan.
- **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** telah menyediakan bantuan makanan kepada mangsa banjir di PPS mengikut keperluan setempat. Di Kelantan, makanan disediakan melalui gotong-royong manakala di negeri-negeri lain, makanan diagihkan dalam bentuk *pack food*. selain itu, pelbagai bantuan lain turut diberikan termasuk keperluan asas, keperluan tambahan, kit bencana, kit kebersihan diri, barang keperluan tambahan serta *retort* pemulaan bagi memastikan mangsa menerima bantuan dalam tempoh 24 jam pertama.
- Bagi memastikan kelancaran pengurusan bekalan, stok makanan ditempatkan di Depoh Barang Keperluan Bencana, stor negeri dan daerah, mini kontena serta pangkalan hadapan khususnya di kawasan yang terputus hubungan. Selain itu, JKM turut menambah stok di stor daerah sebagai langkah menambah baik keperluan di PPS. Usaha ini dilaksanakan bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan mangsa sentiasa terjamin sepanjang tempoh penempatan di PPS.



- **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)** telah mengoperasikan **Pam Kecemasan Mudah Alih** ke kawasan banjir untuk membantu mengurangkan air dan mempercepatkan proses surut air. Tindakan ini adalah sebahagian daripada langkah-langkah yang diambil untuk mengendalikan banjir di daerah yang terjejas.
- Sebanyak tiga (3) unit Pam Kecemasan Mudah Alih telah dipasang pada 29 November 2025 di negeri terjejas banjir. Pada masa yang sama, sebanyak 277 unit pam sedang beroperasi manakala 150 unit lagi berada dalam keadaan siap siaga keadaan siap siaga di negeri-negeri yang terjejas banjir untuk digerakkan mengikut keperluan semasa.
- **Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas** yang ditempatkan di negeri-negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 1**.
- **Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)** Pusat meneruskan mesyuarat berkala bagi menyelaraskan serta memantau situasi di negeri-negeri yang terlibat secara Langsung.
- **Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)** yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.
- Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>.



MAKLUMAT PERGERAKAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

- Sejak bermulanya Monsun Timur Laut (MTL) pada 13 November 2025, sebanyak **249 pelaporan** pergerakan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Rakan NADMA telah direkodkan.
- NGO terbabit melaksanakan pelbagai bentuk bantuan termasuk **pengagihan makanan dan minuman, kit kebersihan, khidmat pembersihan, khidmat kaunseling, keperluan tidur, bantuan mencari dan menyelamatkan, sokongan logistik, pasukan perubatan, pengurusan komunikasi** serta lain-lain bentuk bantuan kemanusiaan bagi membantu mangsa banjir di negeri-negeri terjejas.
- Secara keseluruhan, **1,889 sukarelawan** daripada **28 pertubuhan** telah melaksanakan pengoperasian dan pengagihan bantuan tersebut.



JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
1.	TERENGGANU	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	213	4x4/SUV/VAN: 11, BOT: 12, LORI/FRT/LFRT: 11, LAIN-LAIN: 1
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	156	4x4/SUV/VAN: 7, BOT: 3, LORI/FRT/LFRT: 8
		PASUKAN Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART)	10	4x4/SUV/VAN: 2, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	163	4x4/SUV/VAN: 22 AMBULANS/EMRS: 7, BOT: 17, LORI/FRT/LFRT:7, MOTOKAR: 7
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	76	4x4/SUV/VAN: 11, BOT: 3, LORI/FRT/LFRT: 8
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	240	-
2.	PERAK	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	22	4x4/SUV/VAN: 2, AMBULANS/EMRS: 6, BOT: 7, LORI/FRT/LFRT: 4, LAINLAIN: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	22	4x4/SUV/VAN: 6
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	158	4x4/SUV/VAN: 13, BOT: 8, LORI/FRT/LFRT: 4
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	57	4x4/SUV/VAN: 2, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 3
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	160	-
3.	PERLIS	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	128	4x4/SUV/VAN: 7, LORI/FRT/LFRT: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	12	4x4/SUV/VAN: 1, LORI/FRT/LFRT: 2
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	382	4x4/SUV/VAN: 10, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 8, MOTOKAR: 19, MOTOSIKAL: 10, LAIN-LAIN: 3
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	60	4x4/SUV/VAN: 5, AMBULANS/EMRS: 3, BOT: 6, LORI/FRT/LFRT: 8, MOTOSIKAL: 2
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	84	-



LAPORAN SITUASI SEMASA MTL 2025/2026 #08

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

30 NOVEMBER 2025

9

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
4.	SELANGOR	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	196	4x4/SUV/VAN: 2, BOT:4, LORI/FRT/LFRT: 3
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	27	4x4/SUV/VAN: 5
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	71	4x4/SUV/VAN: 4, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 2
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	54	4x4/SUV/VAN: 2, LORI/FRT/LFRT: 9
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	116	-
5.	KELANTAN	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	216	4x4/SUV/VAN: 21, BOT: 17
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	114	4x4/SUV/VAN: 8, BOT: 3, LORI/FRT/LFRT: 5
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	780	4x4/SUV/VAN: 23, BOT: 24, LORI/FRT/LFRT: 20
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	34	4x4/SUV/VAN: 7, AMBULANS/EMRS: 1 LORI/FRT/LFRT: 3
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	72	-
6.	KEDAH	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	61	4x4/SUV/VAN: 3, LORI/FRT/LFRT: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	31	4x4/SUV/VAN: 2, LORI/FRT/LFRT: 2
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	105	4x4/SUV/VAN: 12, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 4, MOTOKAR: 5
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	22	4x4/SUV/VAN: 3, AMBULANS/EMRS:3, LORI/FRT/LFRT: 3
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	72	-
7.	PAHANG	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	66	4x4/SUV/VAN: 9, BOT: 1, LAIN-LAIN: 1
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	58	4x4/SUV/VAN: 4, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 3
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	787	4x4/SUV/VAN: 62, BOT: 55, MOTOKAR: 8
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	166	4x4/SUV/VAN: 20, BOT: 12, BOT: 48, LORI/FRT/LFRT: 18
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	98	-
8.	NEGERI SEMBILAN	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	11	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 7, MOTOSIKAL:4, LAIN-LAIN: 4
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	36	4x4/SUV/VAN: 4, HELIKOPTER/DRON: 1, LORI/FRT/LFRT: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	6	4x4/SUV/VAN: 2, MOTOKAR: 2
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	29	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 5
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	12	-



BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
9.	MELAKA	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	60	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 7, MOTOSIKAL:4, LAIN-LAIN: 4
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	6	-
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	8	4x4/SUV/VAN: 1, LORI/FRT/LFRT: 5
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	4	-
JUMLAH KESELURUHAN			5,258	<ul style="list-style-type: none">• 4X4/SUV/VAN: 302• AMBULANS/EMRS: 21• BOT: 190• HELIKOPTER/DRON: 1• LORI/ FRT/LFRT: 156• MOTOKAR: 41• MOTOSIKAL: 16• LAIN-LAIN: 12